



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PUP)

SETIAUSAHA AKHBAR

30 JANUARI 2022 (AHAD)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

30 JANUARI 2022 (AHAD)

Jangan ambil kesempatan naikkan harga barang - PM

BERA - Pihak syarikat dan industri diberi peringatan supaya tidak menaikkan harga barang atas alasan kenaikan bil elektrik selepas ketiadaan rebat, selain turut dikenakan surcaj.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perubahan dalam bil elektrik yang perlu dibayar oleh syarikat dan industri selepas ini, difahamkan adalah tidak terlalu besar sehingga menyebabkan pihak terlibat mengambil kesempatan untuk berbuat demikian.

"Saya juga minta pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk membuat libat urus dengan syarikat besar terutamanya pihak industri supaya tidak berlaku kenaikan (harga barang)," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan

kan Wang Bantuan Pembelian Barang Keperluan Asas Monsun Timur Laut 2021/2022 sebanyak RM2,500 kepada setiap 1,157 ketua isi rumah mangsa banjir Daerah Bera di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera di sini.

Ismail Sabri berkata demikian apabila ditanya mengenai kemungkinan berlaku kenaikan harga barang selepas pengguna komersial dan industri akan dikenakan surcaj 3.70 sen/Kilowatt jam (kWj) dan tiada lagi rebat 2 sen/kWj seperti sebelum ini.

Berhubung ketiadaan rebat selepas ini, Ismail Sabri berkata, kerajaan berbelanja besar dalam memberikan subsidi kepada pemain industri dan syarikat iaitu lebih



ISMAYL SABRI

RM1 bilion kepada pihak terlibat sebelum ini.

"Konsep subsidi ini adalah salah kerana ia diberikan kepada syarikat besar, sedangkan subsidi sepatutnya diberikan kepada golongan sasar seperti mereka yang miskin. Kita sekarang dalam proses memperbaikkan konsep ini," katanya.

Pada perkembangan berikutnya, Ahli Parlimen Bera itu berkata, isu berkaitan kenaikan harga barang akan dibincangkan secara terperinci pada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai kos sara hidup yang akan bersidang Isnin ini.

Mesyuarat bagi mencari kaedah mengurangkan kenaikan harga barang itu melibatkan pembentangan kementerian

terlibat seperti KPDNHEP, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Pengangkutan.

Katanya, untuk kali pertama, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dijemput untuk mengemukakan pandangan bagi mengurangkan kenaikan harga barang.

Ismail Sabri berkata, satu Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana peringkat pusat bagi menangani isu banjir secara komprehensif diadakan pada minggu depan melibatkan beberapa kementerian dan kerajaan negeri.

Jelasnya, mesyuarat itu akan menyentuh beberapa aspek, antaranya perancangan jangka panjang melibatkan pembinaan tebatan banjir atau mengurangkan kesan impak bencana itu. - Bernama

Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia



Alexander (kanan) melawat Pasar Besar Pudu sempena hari pertama pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina 2022. (Foto Rohanis Shukri/BH)

Keperluan lanjut skim kawal harga barang diteliti

Kementerian perlu lindungi hak pengguna tanpa memberi tekanan kepada pembekal, peniaga

Oleh Saiful Haizan Hasam
saiful.haizan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang meneliti secara terperinci keperluan itu tidak boleh dilanjutkan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang akan tamat pada 4 Februari ini.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata keputusan itu tidak boleh dibuat sesuka hati kerana kerajaan mahu melindungi pengguna dan pada masa sama tidak menekan pembekal serta peniaga.

Beliau sehubungan itu berharap semua pihak dapat bersabar dan meletakkan kepercayaan kepada KPDNHEP untuk membuat keputusan tepat dan terbaik.

"Kita tak bolehlah hanya bantu satu pihak tetapi jejakson yang lain. Pemerkat umumnya berdepan kenaikan kos operasi, ka-

lau kita tekan supaya beri harga tak berpatutan (bagi pihak peternak), mereka mungkin tak mampu lagi nak mengeluarkan ayam.

"Mungkin (menyebabkan) tak ada bekalan ayam, nak beli RM50 sekilogram pun tak ada (bekalan). Kita tak nali situasi begitu."

"Kami di KPDNHEP sedang perincikan (lanjutan SHMKM), yakni lah kami akan buat yang terbaik dan saya harap ia boleh diterima," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2022 di Pasar Pudu, semalam.

Mengiringi beliau ialah Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Penguruh Kuasa (Operasi) KPDNHEP, Shamsul Nizam Khalil dan Pengarah KPDNHEP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin.

Mengenal rungutan orang ramai mengenai harga ayam yang mahal, Alexander menjelaskan tidak berlaku sebarang kenaikan harga dalam masa beberapa minggu lalu, sebaliknya ia dijual mengikut harga siling ditetapkan kerajaan.

"Ia tak meningkat, masih pada paras kita tetap sejak awal Januari. Malah kita dapat ada tempat di mana ayam dijual lebih rendah daripada harga yang kita

tetapkan ini," tegasnya.

Sempena SHMKM, harga sekilogram ayam ditetapkan pada kadar RM9.10 sekilogram di peringkat peruncit.

Mengulas tinjauannya di Pasar Pudu, Alexander berkata, beliau amat berpuas hati dengan tahap pematuhan terhadap SHMKM dan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2022.

Katanya, peniaga juga memaklumkan mereka tidak berdepan masalah untuk mendapatkan bekalan sayur, ikan dan ayam.

"Kita dapat banyak bahan yang ditetap harga maksimum telah dijual lebih rendah dari pada harga maksimum."

"Saya gunakan peluang ini untuk ucapan terima kasih kepada semua pihak lebih-lebih lagi penjaja yang sangat patuh kepada harga maksimum ditetapkan KPDNHEP," katanya.

Bermula 1 Januari hingga 4 Februari ini, kerajaan melaksanakan SHMKM membabitkan 12 barangang bawah kategori ayam, telur ayam dan sayur sebagai langkah jangka pendek menstabilkan harga dan keberadaan bekalan mereka dalam pasaran.

Melalui Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2022 bermula hari ini sehingga 4 Februari pula, kerajaan menetapkan enam jenis barangang harga terkawal membabitkan kategori hasil laut, barangang kering dan daging babi.

Kerajaan usaha stabilkan harga barang

Program Jualan Malaysia 2022 sasar RM500 billion

Oleh ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL

KUALA LUMPUR — Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyasarkan untuk mencapai nilai jualan sektor peruncitan sebanyak RM500 billion pada tahun ini menerusi Program Jualan Malaysia 2022 (PJM 2022).

Pada tahun 2019, nilai jualan sektor itu adalah sebanyak RM537.6 billion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, usaha serampang dua mata kerajaan itu untuk menstabilkan harga barang di pasaran, di samping dapat membantu pemulihan sektor peruncitan terkesan akibat pandemik Covid-19.

"Sumbangan sektor peruncitan adalah sangat signifikan kepada pemulihan negara dan melalui sektor ini juga telah menyumbang sebanyak 17.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2019 serta menjana sebanyak dua juta peluang pekerjaan kepada pasaran negara," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Selain itu, PJM 2022 diadakan sebagai kesinambungan inisiatif kerajaan bagi memulihkan semula ekonomi negara di era endemik dengan menggalakkan pengguna berbelanja di samping menggunakan peluang untuk berjimat sepanjang tahun dengan meran-



ALEXANDER (dua dari kiri) ketika melancarkan PJM 2022 peringkat kebangsaan di Kuala Lumpur semalam.

faatkan tawaran harga yang lebih murah.

"Selari dengan matlamat kerajaan, KPDNHEP telah merancang pelaksanaan PJM 2022 yang berteraskan konsep 3R iaitu Recovery (pemulihan), Revitalise (merancakkan) dan Revive (menghidupkan semula) sektor peruncitan yang merupakan salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara.

"Bermula bulan Januari hingga Disember 2022, program ini akan menawarkan jualan murah yang

merangkumi Segmen Musim Perayaan, Segmen Jualan Mega dan Jualan Akhir Tahun dan Segmen Jualan Khusus dengan lapan program utama yang telah dirancang dan diselaraskan oleh KPDNHEP di seluruh negara.

Teks ucapan Perdana Menteri dibacakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi ketika hadir ke Majlis Pelancaran PJM 2022 peringkat kebangsaan di sini semalam.



Datuk Seri Alexander Nanta Linggi

Traders complying with festive price schemes, says minister

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry finds that most traders had complied with ceiling prices it had set under the Festive Season Maximum Price Control Scheme (SHMMP) for Chinese New Year.

Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said this after visiting Pudu market here yesterday.

"The price of food and controlled items are reasonable and

within the permitted range allowed by the ministry.

"Some of the prices were lower than the minimum set by the ministry."

He complimented the traders for setting reasonable prices and gave an assurance that there was enough food supply for the festive season.

The SHMMP campaign, which runs until Feb 4, is implemented concurrently with the Keluarga Malaysia Maximum Price

Scheme (SHMKM) launched early this month.

There are 12 food items listed as controlled items.

Earlier this week, the ministry added another six food items to the list, including pork.

Present during the visit were the ministry's secretary-general, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, enforcement (operation) division deputy director Shamsul Nizam Khalil and state director Arifin Samsudin.

Nanta also denied claims that chicken prices had shot up in the past week.

"The chicken price is still reasonable and within the ministry's maximum price set early January."

"It did not go up, as mentioned by some," he said.

Asked whether the SHMKM price control campaign for the 12 items would be extended beyond Feb 4, he said the ministry had yet to decide on it.

MPOB nafi bekalan kurang berdasarkan laporan 400 kilang proses dan 60 kilang penapis

Minyak masak subsidi cukup

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID dan
FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memiliki bekalan stok minyak peket bersubsidi hampir 1.58 juta tan sehingga Disember lalu dan jumlah tersebut mampu memenuhi permintaan peng-

guna sekali gus menolak dakwaan ada elemen penyelewengan atau campur tangan kartel dalam industri tersebut.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia* Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Ahmad Parvez Ghulam Kadir berkata, pihaknya menafikan dakwaan berhubung kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi atau minyak peket seperti dilaporkan di be-

berapa negeri.

Menurut beliau, bekalan tersebut mencukupi berdasarkan laporan bulanan yang diterima daripada lebih 400 kilang proses dan 60 kilang penapis sawit di Malaysia.

"Sehingga Disember lalu, negara memiliki bekalan terakhir sebanyak hampir 1.58 juta tan minyak dan laporan itu turut dimuat naik dalam laman web selain perkara berkaitan harga,

bekalan, import dan eksport sebagai panduan peruncit," kata beliau baru-baru ini.

Menurut beliau, walaupun bekalan tersebut rendah tetapi masih mampu memenuhi permintaan pengguna sekali gus menolak adanya unsur penyelewengan atau campur tangan kartel dalam industri tersebut.

"Kalau lihat dari segi data stok, memang rendah tetapi stok

masih ada. Perkara berkaitan minyak bersubsidi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia, sebab itu kita tidak siasat secara *underground*. Kalau apa-apa di bawah lesen MPOB, barulah kita akan siasat. Yang ini saya tak boleh komen," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Bersambung di muka 2



DI sebalik ramai yang merugut minyak masak bersubsidi tiada stok. MPOB pula memberitahu bekalan negara mencukupi. - GAMBAR HIASAN

Minyak masak subsidi cukup

Dari muka 1

Ahmad Parveez memberitahu, usaha kartel dalam industri ini mudah dipatahkan dengan adanya Sistem Pemantauan Sawit (SPS) yang dilaksanakan untuk memantau pergerakan kenderaan yang mengangkut minyak sawit dalam meningkatkan pemantauan pengalihan produk sawit bagi mengelak aktiviti salah laku dalam industri berkenaan.

Jelasnya, penguatkuasaan peraturan dalam industri sawit juga termasuk pemantauan aktiviti pengalihan minyak sawit, pencemaran kualiti dan pematuhan peraturan alam sekitar.

"Setiap tangki daripada kilang sudah ada alat pengesan. Ini bermakna pergerakan setiap tangki di seluruh negara ada kawalan. Jika dulu orang tertumpu pada satu lokasi, mereka sedut minyak dalam tangki lain, campur air dan sebagainya, jadi itu kita sedang atasi."

"Pergerakan mereka sentiasa dipantau dan kita akan nampak jika terlalu lama berhenti di satu lokasi yang sama, kita sudah tahu (aktiviti seludup) dan akan buat serbuan," ujarnya.

Katanya lagi, walaupun kegiatan kartel masih berlaku dalam tempoh setahun hingga dua tahun ini, namun telah berkurang disebabkan kawalan ketat oleh MPOB.

"Kalau ikutkan aktiviti meliputi ketika timbang banyak berlaku pada tahun lepas tetapi MPOB melalui kerjasama dengan kementerian telah melakukan serbuan untuk mengurangkan aktiviti itu selepas menerima aduan atau maklumat daripada orang awam."

"Kami di MPOB hanya ambil tindakan jika berlaku pelanggaran akta seperti menyiram buah atau menggunakan buah sawit yang muda. Hal berkaitan alat timbang adalah di bawah kementerian. Yang pasti, kita berjaya kurang aktiviti ini," katanya lagi.

■ Wawancara penuh di muka surat 12 dan 13

Minyak masak disimpan di tempat tidak dibenarkan disita

PUTRAJAYA – Tindakan sebuah syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi menyimpan barang itu di premis lain daripada yang dibenarkan dalam lesen syarikatnya mengundang pada apabila disita Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, tindakan itu dibuat selepas sepasukan Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Putrajaya menjalankan pengauditan dan naziran barang kawalan berjadual ke atas syarikat tersebut di Shah Alam, Selangor Khamis lalu.

Katanya, pengauditan itu dilakukan hasil siasatan lanjut berkaitan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Kes disiasat di bawah kesalan Seksyen 20 (1), Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana menyimpan barang kawalan di premis selain premis yang dilesen atau dibenarkan oleh pengawal.



PEGAWAI penguat kuasa KPDNHEP memeriksa minyak masak yang disita selepas didapati disimpan di premis lain di Shah Alam Khamis lalu.

"Pasukan itu menyita 37,360 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi di dalam tangki serta 2,210kg minyak masak pek polibeg 1 kg dan dokumen berkaitan transaksi urus niaga barang kawalan berjadual minyak masak dengan nilai rampasan RM98,025," katanya dalam satu

kenyataan semalam.

Katanya, sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali dan bagi syarikat atau perbadanan, boleh didenda tidak melebihi RM2 juta.

Permintaan tinggi punca bekalan telur gred C berkurang

Melaka: Permintaan tinggi dalam kalangan peniaga makanan dikatakan antara punca bekalan telur gred C, di negeri ini mengalami kekurangan.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna Melaka, Ngwe Hee Sem, berkata trend kekurangan bekalan telur gred C itu bagaimanapun dijangka tidak berlarutan dan akan kembali seperti biasa dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, telur gred lain seperti gred A, B dan D tidak mengalami kekurangan dan ketika ini, bekalan mencukupi.

"Telur gred C mungkin 'barang panas', permintaan tinggi dan bekalan tidak mencukupi."

"Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kebanjiran pengunjung di negeri ini susulan per-

alihan ke Fasa 4 Pelan Pemulihian Negara (PPN)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina 2022, di sebuah pasar raya di Bachang, semalam.

Beliau turut memberi amaran kepada peniaga untuk tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang susulan kekurangan bekalan telur itu.

"Jangan jadikan ini isu kerana mereka ada pilihan, telur gred A, B dan D masih ada."

"Peniaga makanan juga diingatkan supaya tidak menaikkan harga makanan kerana menggunakan telur gred yang lebih tinggi, gred B dan C beza dua sen sahaja," katanya.

380kg ayam segar habis setengah jam

Kuala Nerus: Tidak sampai setengah jam, sebanyak 380 kilogram (kg) ayam segar, 'licin' dibeli pengguna.

Ini berikutan ayam segar itu dijual pada harga RM6 sekilogram, berbanding harga semasa RM8.40 sekilogram.

Harga istimewa itu berikutan pemberian subsidi sebanyak RM2.40 sekilogram oleh Ahli Parlimen Kuala Nerus, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali.

Ayam segar itu dijual pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di kawasan tempat letak kereta di sebuah pasar raya di Bukit Tunggal, di sini, semalam.

PJKM kali ketiga diadakan di kawasan Parlimen Kuala Nerus itu dibuka kira-kira jam 9 pagi. Gerai jualan ayam segar men-

jadi tumpuan utama pengunjung menyebabkan pengunjur terpaksa mengehadkan jualan hanya seekor ayam kira-kira dua kilogram seorang.

Berikutan sambutan menggalakkan itu, Mohd Khairuddin menyarankan PJKM diteruskan hingga Aidilfitri.

"PJKM antara langkah kerajaan membantu mengurangkan beban rakyat yang masih tersesak susulan penularan pandemik COVID-19.

"Saya menyarankan semua Ahli Parlimen membuat usul kepada KPDNHEP supaya PJKM diteruskan hingga Aidilfitri," katanya.

Sementara itu, Pengarah KPDNHEP negeri, Shahruddin Mohd Kia, berkata sebanyak 20 lokasi jualan sudah dijalankan di seluruh kawasan Parlimen di negeri itu, dengan nilai jualan diperoleh peserta RM893,664.



Mohd Khairuddin (kiri) melayan orang ramai yang menyerbu gerai jualan ayam sempena PJKM di Bukit Tunggal, semalam.

(Foto Baharom Bakar/BH)

HARI : AHAD
TARIKH : 30/1/2022
M/SURAT : 12

Senarai Harga Barang Keperluan			
• Ayam	RM7.88	• Telur Grid A	RM12.45
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99	• Ikan Kembung	RM13.99
• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.38
• Gula Pasir	RM2.85	• Bawang Besar Holland	RM2.79
• Bawang Putih	RM5.50	• Cili Merah	RM9.90
• Kubis Bulat Tempatan	RM4.68	• Tepung Gandum	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP